

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

SOALAN NO. 166

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyusun semula kedudukan kamera-kamera AWAS selepas melihat keberkesanan peralatan tersebut terhadap kes-kes kemalangan yang telah berlaku.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem AwAS telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2012 dengan pengoperasian pada masa tersebut adalah sebanyak 14 kamera di Kawasan Kerap Kemalangan (KKK). Pelaksanaan AwAS merupakan sebahagian dari intervensi penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kerajaan untuk merawat lokasi KKK yang dikenalpasti bagi mengurangkan kemalangan jalan raya berlaku.
2. Sejar dengan keputusan dan tindakan Kerajaan mengambil alih operasi AwaS, penyusunan semula kamera-kamera yang telah lama beroperasi sememangnya sedang dilakukan. Penyusunan semula ini juga mengambil kira kajian yang dijalankan oleh Kementerian ini terhadap keberkesanan penguatkuasaan kamera AwAS di lokas-lokas tersebut di mana indikator-indikator seperti kadar pematuhan Perception of Being Caught (POBC) telah ditetapkan bagi menentukan lokasi berkenaan terawat dan pemasangan peralatan dipindahkan ke lokasi yang lain.
3. Selain itu, sesi libat urus juga diadakan secara berterusan dengan pihak berkepentingan seperti pihak Polis DiRaja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya dan pihak konsesi lebuhraya dalam menentukan lokasi baharu bagi pemasangan kamera berdasarkan keperluan yang disokong dengan data-data kemalangan terkini.

Sekian, terima kasih.